



## *Agong berkenan santap pagi nasi lemak bersama Perdana Menteri*

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan meluangkan masa santapan pagi menu nasi lemak bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pagi semalam. Baginda bersama Anwar menikmati menu berkenaan di restoran Nasi Lemak Burung Hantu cawangan Semua House di Masjid India, Kuala Lumpur. Orang ramai juga tidak melepaskan peluang bersalaman dan merakam gambar bersama baginda. Baginda turut berkenan meluangkan masa beramah mesra dengan kanak-kanak serta bertanyakan khabar. Aktiviti bersarapan pagi dan minum petang bersama pemimpin negara dan rakyat jelata di lokasi umum sudah menjadi antara rutin baginda sejak menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-17. Penampilan santai baginda berkunjung ke lokasi terpilih ini, memberi ruang untuk rakyat menemui dan mendampingi baginda yang terkenal dengan jolokan Raja berjiwa rakyat

(Foto isan FB Sultan Ibrahim)